

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada KKM ada perancangan menaik taraf Hospital Kulai memandangkan urusan perolehan tanah untuk Klinik Kesihatan Senai belum selesai dan jumlah populasi Kulai telah mencerah 300,000 orang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin dan berusaha untuk mempertingkatkan lagi kemudahan yang terdapat di fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuklah di Hospital Kulai. Sehubungan itu, didalam RMK-11, beberapa kerja penambakan bangunan di hospital tersebut telah pun dilaksanakan seperti:

- i. Menaiktaraf Bumbung dan pendawaian semula / pengasingan *Distribution Board* di Stor Perubatan dengan kos RM 85 ribu; dan
- ii. Membina laluan pejalan kaki dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Wad 1,2,3 & 4 dengan kos RM 11,934.

2. KKM juga mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina sebuah blok tambahan yang bakal menempatkan kemudahan Wad Pesakit Dalam, Klinik Pakar, Jabatan Kecemasan dan beberapa perkhidmatan sokongan yang lain. Cadangan pembinaan blok tambahan ini akan di pohon didalam RMK-12 yang akan datang. Walaubagaimanapun, kelulusan bagi perkara ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Sekian, terima kasih.